

UKM, LMNT bangunkan Sistem Muzium Maya

Oleh Radzuan Ghazali

bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Terengganu

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bekerjasama dengan Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT) membangunkan Sistem Muzium Maya (SMM) yang memamerkan imej artifak berbentuk tiga dimensi.

Sistem yang boleh dicapai secara atas talian menerusi laman sesawang <http://www.ftsm.ukm.my/museummaya> itu merangkumi lapan galeri yang memamerkan 400 daripada 33,000 artifak dalam bentuk digital.

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UKM, Prof Datuk Dr Imran Ho Abdullah, berkata pemuliharaan warisan sejarah serta budaya berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi dilakukan Kumpulan Penyelidikan Multimedia dan Kebolegunaan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) sejak dua tahun lalu.

Beliau berkata, penyelidikan berkenaan mampu memberi manfaat dan impak besar bukan saja kepada masyarakat

setempat tetapi juga antarabangsa.

"Projek dibiayai Geran Universiti Pendidikan berjumlah RM210,000 khusus bagi meletakkan kandungan khazanah warisan budaya bangsa melalui pemuliharaan artifak pameran secara digital serta disimpan dalam stor.

Sejarah tersendiri

"Saya berharap SMM mencatat sejarah tersendiri sekali gus meletakkan kerjasama pintar UKM dengan LMNT ini sebagai institusi pertama menerajui pembangunan muzium maya bukan saja di negara ini tetapi juga di Asia Tenggara," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran SMM di sini, baru-baru ini.

Majlis pelancaran disempurnakan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri, Tengku Zaihan Che Ku Abdul Rahman yang mewakili Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman.

Beliau turut merasmikan

Simposium Teknologi Maklumat bertemakan Kelestarian Warisan Budaya Melalui ICT (SICTH) 2016.

Yang turut hadir ialah, Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi LMNT, Datuk Osman Muda; Pengarah LMNT, Mohd Yusof Abdullah; Timbalan Dekan FTSM, Prof Dr Azuraliza Abu Bakar dan Pengarah SICTH 2016, Dr Tengku Siti Meriam Tengku Wook.

Dalam pada itu, Tengku Zaihan dalam ucapannya menghargai segala kreativiti

dan daya inovatif dicurahkan semua pihak dalam usaha menjelmakan keindahan artifak bentuk tiga dimensi dalam SMM.

Katanya, SMM dapat memberi manfaat kepada masyarakat bagi menghayati sejarah ketamadunan bangsa serta pemangkin ke arah pembentukan jalinan pintar yang lebih luas merangkumi bidang-bidang tertentu di negeri itu.

.....